

KEMAHIRAN BERTUTUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Azhar Muhammad
Kamarul Azmi Jasmi
Mohd Ismail Mustari
Saliha Sackkani
Fauziah Ali

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Muhammad, A., Jasmi, K. A., Mustari, M. I., Sackkani, S., & Ali, F. (2012). Kemahiran Bertutur dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 889-899. ISBN 99917-44-89-4.

Abstrak

Mana-mana bahasa kedua atau bahasa asing yang dipelajari memerlukan kepada mempraktikkan bahasa tersebut melalui pertuturan. Justeru kemahiran bertutur dalam mempelajari bahasa memainkan peranan yang amat penting bagi membolehkan bahasa tersebut dikuasai dengan baik. Begitu juga dengan pembelajaran bahasa Arab. Pada peringkat permulaan, pembelajaran bahasa Arab mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu bagi membolehkan mereka memahami ilmu-ilmu Islam khususnya untuk memahami kitab-kitab Islam yang muhtabar yang ditulis dalam bahasa Arab. Hari ini, objektif mempelajari bahasa ini lebih meluas sebagai bahasa yang digunakan dalam pertuturan. Dalam hal ini, guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah. Guru perlu mahir menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan tahu menggunakan pendekatan-pendekatan terkini supaya interaksi dengan murid-murid berjalan lancar terutama di dalam kelas. Antara konsep yang dibincang agar strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur mencapai matlamatnya ialah pendekatan, kaedah dan teknik. Pendekatan yang biasa digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ialah pendekatan bersepadu, induktif dan deduktif. Manakala kaedah yang digunakan pula ialah kaedah-kaedah pengajaran bahasa terkini yang biasa digunakan dalam pengajaran bahasa asing yang lain. Teknik terkini yang biasa digunakan ialah bercerita, permainan bahasa, bacaan dan sebutan, perbincangan, dan simulasi. Guru juga perlu mengikut panduan-panduan yang ditetapkan agar pembelajaran melalui kemahiran bertutur ini menjadi lebih mudah.

KEMAHIRAN BERTUTUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Azhar Muhammad
Kamarul Azmi Jasmi
Mohd Ismail Mustari
Saliha Sackkani
Fauziah Ali

Abstrak

Mana-mana bahasa kedua atau bahasa asing yang dipelajari memerlukan kepada mempraktikkan bahasa tersebut melalui pertuturan. Justeru kemahiran bertutur dalam mempelajari bahasa memainkan peranan yang amat penting bagi membolehkan bahasa tersebut dikuasai dengan baik. Begitu juga dengan pembelajaran bahasa Arab. Pada peringkat permulaan, pembelajaran bahasa Arab mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu bagi membolehkan mereka memahami ilmu-ilmu Islam khususnya untuk memahami kitab-kitab Islam yang muktabar yang ditulis dalam bahasa Arab. Hari ini, objektif mempelajari bahasa ini lebih meluas sebagai bahasa yang digunakan dalam pertuturan. Dalam hal ini, guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah. Guru perlu mahir menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan tahu menggunakan pendekatan-pendekatan terkini supaya interaksi dengan murid-murid berjalan lancar terutama di dalam kelas. Antara konsep yang dibincang agar strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur mencapai matlamatnya ialah pendekatan, kaedah dan teknik. Pendekatan yang biasa digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ialah pendekatan bersepadu, induktif dan deduktif. Manakala kaedah yang digunakan pula ialah kaedah-kaedah pengajaran bahasa terkini yang biasa digunakan dalam pengajaran bahasa asing yang lain. Teknik terkini yang biasa digunakan ialah bercerita, permainan bahasa, bacaan dan sebutan, perbincangan, dan simulasi. Guru juga perlu mengikut panduan-panduan yang ditetapkan agar pembelajaran melalui kemahiran bertutur ini menjadi lebih mudah.

Kata kunci: pembelajaran, kemahiran bertutur, Ilmu *turath*, pendekatan, teknik, kaedah, dialog, bercerita, permainan bahasa, simulasi.

PENGENALAN

Bahasa merupakan alat komunikasi yang penting bagi setiap manusia. Bahasa juga dapat menggambarkan perasaan serta pemikiran seseorang dan kadang kala berbentuk ungkapan yang dilafazkan seseorang untuk menggambarkan sesuatu. Seseorang individu akan dapat menjalin hubungan dengan individu lain atau dengan masyarakat di sekitarnya melalui penggunaan bahasa yang dapat difahami. Oleh itu, bahasa berperanan sebagai agen pemindahan pemikiran dan perasaan manusia daripada seorang individu kepada individu lain.

Sejak kecil lagi, bahasa digunakan untuk berkomunikasi samada ada berbentuk isyarat dengan menggunakan pelbagai gaya bahasa tubuh atau secara lisan dengan menggunakan pelbagai jenis bahasa yang boleh difahami antara ibu dengan anak. Kanak-kanak lebih mudah menguasai bahasa ibunda kerana itulah alat komunikasi yang digunakan setiap hari oleh ibu

dan keluarga terdekat. Bila berada di alam persekolahan mereka mula belajar bahasa asing yang diajar oleh guru. Ada juga bahasa asing yang mereka perolehi melalui pergaulan dengan jiran-jiran terdekat atau rakan-rakan sebaya di sekolah.

SEJARAH PENGAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA


Bahasa Arab merupakan sebahagian bahasa-bahasa utama di dunia. Pada zaman mutakhir ini, bahasa Arab kian terserlah penggunaan dan menjadi bahasa yang terpenting. Ini kerana bahasa Arab ialah bahasa al-Quran, bahasa hadis, bahasa yang digunakan dalam ibadah solat. Ia juga adalah penghubung ekonomi dunia kerana negara-negara Arab kaya dengan sumber minyak dan galian. Bilangan pengguna bahasa Arab di seluruh pelosok dunia juga agak ramai. Sebanyak 22 negara Arab menjadikan bahasa ini sebagai bahasa utamanya dan menjadi bahasa kedua di kebanyakan negara umat Islam.

Justeru penguasaan bahasa Arab sangat penting terutama bagi masyarakat Islam. Sekurangnya untuk membolehkan mereka mampu membaca al-Quran dan memahami isi kandungan al-Quran. Pengajaran bahasa Arab di Malaysia seiring dengan kedatangan Islam ke Nusantara. Masyarakat Islam mula mempelajari dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian terutama ketika membaca al-Quran dan beribadah. Pengajaran bahasa Arab diteruskan dengan tujuan untuk memahami ilmu-ilmu Islam, khususnya untuk memahami kitab-kitab Islam muktabar yang tulisannya bahasa Arab (Rosni Samah, 2009: 3).

Sejak tahun 70-an, mata pelajaran Bahasa Arab merupakan salah satu subjek yang telah mendapat perhatian Kementerian Pelajaran Malaysia untuk dimasukkan dalam sukatan pengajarannya. Pengajaran bahasa Arab ketika itu lebih mengutamakan kepada kemahiran berkomunikasi dengan berpandukan buku teks yang ditulis oleh pakar-pakar bahasa Arab.

OBJEKTIF PENGAJARAN BAHASA ARAB

Menurut Ahmad Kilani (2001: 1), Islam menggalakkan umatnya supaya mempelajari bahasa Arab kerana ia adalah bahasa al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Bahasa ini tetap terpelihara dan kekal hingga hari kiamat. Dengan mempelajari al-Quran, kita tidak mudah terpesong dan tertipu dengan anasir-anasir yang hendak menghancurkan Islam. Firman Allah SWT:



“Sesungguhnya Kamilah menurunkan al-Quran dan Kamilah yang akan terus memeliharanya”.

(Surah *al-Hijr*, 15: 9)

Bahasa Arab merupakan kunci untuk mempelajari al-Quran. Tanpa mempelajarinya kita tidak dapat menggali semua khazanah yang ada dalam al-Quran. Oleh sebab itu, matlamat pengajaran bahasa Arab di sekolah pada peringkat permulaan adalah untuk membolehkan pelajar membaca al-Quran dengan betul. Seterusnya objektif pengajarannya berkisar di sekitar memahami ajaran Islam yang sebenar dan mengetahui cara-cara beribadah dengan zikir, doa dan wirid yang betul (Rosni Samah, 2009: 10). Imam Syafie' (r.a) menyatakan:

“Sesungguhnya mempelajari bahasa Arab adalah wajib sekiranya dengan mempelajarinya memungkinkan ia memahami ajaran agamanya”.

(Ibn.Tamiyyah, t.t.: 207)

Pengajaran bahasa Arab terus mendapat tempat dalam kalangan masyarakat bukan Arab bagi membolehkan mereka memahami ilmu-ilmu Islam khususnya untuk memahami kitab-kitab Islam yang muktabar yang ditulis dalam bahasa Arab. Hingga hari ini, semua lapisan masyarakat berusaha untuk mempelajari bahasa Arab, melangkaui batas dunia dan sempadan bangsa.

Berikut adalah objektif pengajaran bahasa Arab mengikut perkembangan pelbagai dimensi yang berbeza, iaitu peringkat permulaan, peringkat pengajaran di Pusat Pengajian Pondok, dan Kementerian Pelajaran Malaysia (Rosni Samah, 2009: 10).

Peringkat Permulaan

Objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pada peringkat ini ialah untuk memahami ajaran Islam dan menunaikan ibadah. Kemahiran mempelajari bahasa Arab membolehkan masyarakat mampu memahami Islam dan dapat menunaikan ibadat seperti solat, berzikir dan berdoa. Selain itu mempelajari bahasa Arab pada peringkat ini membolehkan para belajar membaca al-Quran dengan betul. Masyarakat juga boleh membaca al-Quran dengan pembacaan bertajwid walaupun tidak memahami maksudnya.

Peringkat Pengajaran di Pusat Pengajian Pondok

Pada peringkat ini objektif yang ingin dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ialah agar dapat memahami kitab-kitab ilmu *turath* (klasik) Islam. Pelajar di pengajian pondok mempelajari bahasa Arab bukan untuk belajar bercakap tetapi hanya tertumpu kepada pemahaman kitab-kitab ilmu *turath* (klasik) Islam terutamanya berkaitan dengan nahu, saraf dan struktur ayat.

Peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia

Objektif umum pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pada peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia telah digariskan seperti berikut (*Wizarah Tarbiyyah Maliziyyah(a)*, 2003):

- (1) Membolehkan pelajar menekankan penguasaan kemahiran bercakap selain daripada penguasaan mendengar, membaca dan menulis.
- (2) Mempertingkatkan kemampuan penggunaan bahasa Arab yang betul dengan penguasaan kosa kata yang banyak.
- (3) Mengamalkan nilai-nilai Islam dan berakhlak mulia.

Manakala objektif khusus pula ialah (*Wizarah Tarbiyyah Maliziyyah(a)*, 2003):

- (1) Memperdengarkan bacaan al-Quran dan hadith dengan baik serta memahami maknanya, mengulangi dan perbincangan.
- (2) Memahami dan mendengar bahasa Arab melalui berita-berita.
- (3) Bercakap bahasa Arab dengan baik dalam keadaan tertentu.
- (4) Menulis pelbagai bidang dan berbincang dengannya.
- (5) Menguasai kemahiran tulisan khat naskhah dengan kaedah yang betul.
- (6) Bercakap, membaca dan menulis tidak kurang 800 perkataan baru.
- (7) Membaca dan memahami maknanya jenis-jenis bahan bacaan bahasa Arab.
- (8) Menguasai kaedah nahu dan mempraktikannya.
- (9) Mempertingkatkan penguasaan kosa kata melalui penggunaan kamus Arab.
- (10) Menggunakan alat teknologi moden dalam pengajaran bahasa Arab.

Objektif umum dan khusus yang ingin dicapai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ini mendasari perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sekarang ini.

STRATEGI KEMAHIRAN BERTUTUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kemahiran bertutur atau berkomunikasi yang ada pada guru memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah. Melalui komunikasi yang baik, guru dapat berkongsi berbagai pengalaman dengan muridnya. Di samping itu, guru juga perlu mahir menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan tahu menggunakan pendekatan-pendekatan terkini supaya interaksi dengan murid-murid berjalan lancar dan proses P&P dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Mengajar seseorang murid untuk menguasai sesuatu bahasa yang bukan bahasa ibunda bukanlah mudah kerana pembelajaran bahasa memerlukan komitmen yang bersungguh-sungguh, latihan yang berterusan dan perlu menguasai berbagai aspek yang berkaitan dengan bahasa. Mempelajari bahasa Arab misalnya, adalah lebih susah dibandingkan dengan bahasa Melayu kerana ia masih dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Bahasa ibunda perlu disesuaikan dengan bahasa Arab sama ada dari segi struktur perkataan, ayat dan bunyi.

Sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bahasa atau mata pelajaran lain dilaksanakan, guru-guru perlu memahami beberapa konsep yang ada hubung kait dengan strategi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Strategi pembelajaran bahasa Arab lebih menekankan kepada penguasaan kemahiran-kemahiran berkaitan iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Melalui strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ini yang lebih menjurus kepada kemahiran bertutur atau kemahiran bercakap diharapkan akan berlakunya interaksi dan komunikasi yang baik dan berkesan antara guru dengan murid. Kemahiran bercakap dalam bahasa Arab memerlukan proses pembelajaran secara berkomunikasi yang memerlukan latihan secara lisan secara meluas. Guru hendaklah berkemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik kepada murid dari sudut kosa kata, susunan dan ayatnya sebelum murid dapat bercakap dalam bahasa Arab.

Guru juga perlu memberi pengajaran dengan menggunakan segala kemudahan berbahasa yang ada supaya murid dapat mempraktikkan sebutan dalam bahasa Arab yang dipelajari. Selain itu, guru hendaklah memberi peluang kepada murid supaya menggunakan bahasa Arab secara lisan atau bercakap selalu sebagai latihan dan seterusnya mampu bercakap dalam bahasa Arab.

Antara beberapa konsep yang selalu menjadi perbincangan supaya strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur mencapai matlamatnya melalui:

Pendekatan

Pendekatan dalam konteks pendidikan ialah cara bagaimana sesuatu mata pelajaran dapat diajar berdasarkan objektif yang hendak dicapai. Pendekatan ini biasanya berlandaskan model, prinsip atau teori pembelajaran tertentu.

Dalam pendidikan Islam, model-model pengajaran Rasulullah SAW serta ulama-ulama terkemuka seperti al-Ghazali, Imam As-Shafei dan Ibnu Khaldun dijadikan panduan dalam pengajaran dan pembelajaran. Teori yang di perkenalkan oleh ahli psikologi dan pendidikan Barat seperti Skinner, Maslow, Thorndike dan lain-lain juga digunakan sebagai salah satu pendekatan dalam proses pembelajaran.

Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan perlu dirancang dengan menggunakan strategi pengajaran yang baik supaya objektif jangka panjang dan objektif jangka pendek yang

diharapkan dapat dicapai. Antara pendekatan yang biasa digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang ada perkaitannya dalam pembelajaran bahasa Arab ialah: -

Pendekatan Bersepadu

Pendekatan bersepadu merupakan satu kaedah pengabungan antara pengetahuan dengan kemahiran yang membawa kepada keseimbangan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Dalam pengajaran bahasa Arab, kesepaduan dapat dilihat dengan pengabungjalinan empat kemahiran utama iaitu bertutur, mendengar, membaca dan menulis (Ahmad Mohd. Salleh, 2003: 98). Di bawah rancangan KBSR juga, konsep kesepaduan diamalkan dalam penggunaan strategi pengabungjalinan dan penyerapan dengan tujuan menjalin dan mengadunkan unsur-unsur ilmu, nilai, kemahiran belajar dan penggunaan bahasa yang baik.

Pendekatan Induktif

Pendekatan induktif melibatkan aktiviti mengumpul dan mentafsir maklumat-maklumat dan kemudian membuat kesimpulan. Guru yang menyampaikan pengajaran menggunakan kaedah ini perlu memberikan contoh-contoh yang mudah dan fakta-fakta yang ringkas. Seterusnya, membimbing murid-murid membuat perbandingan tentang perbezaan atau persamaan yang berkaitan dengan isi pelajaran dan kemudian membuat kesimpulan.

Para sahabat dan ulama-ulama telah menggunakan kaedah ini khasnya untuk pengajaran al-Quran. Pengajaran bahasa Arab juga boleh menggunakan kaedah ini, kerana dapat membantu murid membiasakan mereka berfikir, membandingkan antara struktur perkataan atau bunyi dan dapat membuat rumusan yang tepat tentang sesuatu fakta, prinsip atau hukum yang umum.

Pendekatan Deduktif

Pendekatan Deduktif merupakan satu pendekatan yang berasaskan pengajaran dan pembelajaran murid kepada hukum, rumus, prinsip atau peraturan tertentu diteruskan dengan mengaplikasikan kepada contoh-contoh yang khusus.

Biasanya murid didedahkan dengan suatu masalah yang perlu difahami terlebih dahulu, diikuti dengan menentukan hukum, prinsip atau peraturan yang sesuai untuk digunakan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Akhirnya, murid perlu merujuk kepada guru untuk memastikan masalah dapat diselesaikan dengan betul. Pendekatan Deduktif ini juga boleh digunakan untuk mendapatkan kesimpulan yang baru daripada rumus, prinsip, hukum atau peraturan yang telah diketahui.

Kaedah

Kaedah merujuk kepada satu perancangan atau prosedur bagi melaksanakan sesuatu pengajaran secara teratur, kemas dan sistematik. Untuk menerangkan sesuatu prosedur pengajaran dan pembelajaran, guru perlu merancang dengan baik kaedah yang dipilih. Pemilihan kaedah perlulah sesuai dan dapat memenuhi keperluan murid supaya proses pembelajaran berlaku dengan lebih bermakna dan menyeronokan. Ada pelbagai kaedah pengajaran yang boleh digunakan dalam pengajaran bahasa seperti kaedah bercerita, kaedah membaca, kaedah terjemah, kaedah ulangan dan lain-lain kaedah yang sesuai.

Dalam pengajaran bahasa Arab, kaedah merupakan satu pendekatan penting bagi menentukan pencapaian murid dalam penguasaan bahasa Arab. Kaedah yang berkesan mampu mencapai matlamat dan membantu proses kelancaran pengajaran. Dengan kaedah juga, dapat menarik minat murid untuk belajar bercakap bahasa Arab dan menguasainya. Kaedah juga dapat diaplikasikan dalam pembelajaran bagi menjamin kualiti penguasaannya sendiri (Rosni Samah, 2009: 43).

Walau bagaimanapun, beberapa prosedur perlu dipertimbangkan sebelum memilih satu-satu kaedah pengajaran. Antara prosedur yang perlu dilakukan untuk menghasilkan kaedah pengajaran yang baik ialah kenalpasti dahulu apa yang akan digunakan, tentukan bahan yang hendak disampaikan mengikut peruntukan masa, tetapkan langkah-langkah mengikut aktiviti yang dirancang, dan susun langkah secara berperingkat.

Teknik

Teknik adalah cara untuk menjalankan pelbagai langkah dalam pengajaran. Teknik merangkumi aktiviti, perlakuan dan kemahiran guru dalam pengajaran sama ada ketika mengelola dan menjalankan langkah-langkah dalam aktiviti pengajaran. Teknik yang baik juga memberi penekanan tentang aspek bagaimana menggunakan sumber-sumber pengajaran yang ada. Contohnya, menggunakan makmal bahasa untuk mengajar bahasa Arab merupakan suatu teknik. Menghafal, membaca, soal jawab dan bercerita juga suatu teknik, tetapi perlu berlandaskan kepada kaedah dan pendekatan yang kukuh, mantap dan boleh dipercayai.

Teknik dalam pengajaran dan pembelajaran adalah bertujuan untuk memberi tarikan minat murid, dapat mengekalkan perhatian dan membangkitkan perasaan ingin tahu murid terhadap pembelajaran yang diajar. Dalam mengendalikan apa sahaja teknik pengajaran, prinsip-prinsip berikut boleh dijadikan panduan, iaitu melibatkan pelajar yang aktif, menggalakan pengalaman secara langsung, menekankan amalan dan penghayatan, mengambil kira kebolehan dan keupayaan pelajar, dan menyampaikan pengetahuan dan pengalaman secara bersepadu.

KAEDAH PENGAJARAN BAHASA ARAB

Kaedah pengajaran merupakan pendekatan penting dalam pengajaran bahasa Arab, kerana minat dan kesungguhan murid untuk menguasai bahasa ini dapat dilihat melalui pencapaian mereka menguasai bahasa tersebut. Pada peringkat permulaan pengajaran bahasa Arab menggunakan kaedah terjemahan dan hafalan sahaja. Tumpuan utama adalah untuk memahami dan menguasai susunan ayat yang terdiri daripada nahu dan saraf. Kaedah ini seterusnya diwarisi secara tradisi dan banyak diamalkan di pusat-pusat pengajian pondok dan madrasah. Di pusat pengajian ini, pelajar mampu memahami kitab-kitab *turath* (klasik) tanpa belajar di negara Arab dengan hanya mempelajari kaedah nahu dan saraf sahaja.

Walau bagaimanapun, tidak ada satu kaedah tunggal pembelajaran bahasa yang sesuai bagi mencapai objektif yang berbagai-bagai semasa mempelajari bahasa Arab (Ahmad Kilani, 2001: 35). Menurut Ibnu Khaldun, setiap mata pelajaran ada kaedahnya yang tersendiri yang mempunyai kelebihan dan kelemahan masing-masing (Ghazali Darusalam, 2000: 226). Ibnu Khaldun juga menjelaskan bahawa, kaedah yang sesuai digunakan untuk pengajaran bahasa Arab ialah dengan *Kaedah Tardid* (mengulang) secara langsung sesuatu pertuturan melalui pembetulan kedudukan lidah dan sebutan manakala guru perlu mendengar dan mengulang-ulang perkataan yang hendak disebut. Di samping itu *Kaedah al-Sama'* (mendengar) dan *Kaedah al-Ijtima' al-Watani* juga diamalkan melalui pergaulan dengan penduduk tempatan. Mereka yang hendak menguasai bahasa Arab perlu hidup dan bergaul dengan mereka hingga dapat menguasai bahasa tersebut dengan fasih.

Menurut Muhammad Ali Al-Khulli (1982) dipetik dari buku tulisan (Ahmad Kilani, 2001: 29), terdapat berbagai-bagai kaedah dalam mengajar bahasa Arab. Kaedah ini sentiasa menjadi tajuk perdebatan dan perbincangan pakar-pakar bahasa. Antara empat kaedah pengajaran terpenting dalam pengajaran bahasa Arab, iaitu kaedah nahu dan terjemah (*al-Qawa'id wa al-Turjumah*), kaedah langsung (*al-Mubasyarah*), kaedah dengar dan tutur (*al-Sami'iyah al-Shafawiyah*), dan kaedah elektik (*al-Intiqayyah*).

FAKTOR PENGGUNAAN KAEDAH KEMAHIRAN BERTUTUR

Kanak-kanak mula belajar bahasa ibunda atau berkomunikasi dengan keluarga terdekat dengan mendengar apa sahaja maklumat yang diterima, seterusnya mula menceritakan apa yang telah didengar sejajar dengan perkembangan atau kemampuan daya ingatan mereka. Apabila masuk ke alam persekolahan mereka mula belajar membaca dan menulis. Pembelajaran bahasa Arab juga hendaklah dilakukan secara berperingkat-peringkat iaitu pendengaran, percakapan, pembacaan dan penulisan. Penggunaan kaedah bercakap dalam pengajaran bahasa Arab memerlukan kesabaran dan kesungguhan yang tinggi sama ada guru mahupun diri pelajar sendiri.

Kemahiran bercakap adalah faktor yang penting berlakunya komunikasi yang baik antara guru dengan murid. Walau bagaimanapun, ada beberapa faktor yang perlu diambil perhatian semasa penggunaan kaedah bercakap dalam pengajaran bahasa Arab, iaitu:

- (1) Suara guru mestilah jelas dan dapat didengar oleh setiap pelajar. Nada suara yang terlalu tinggi akan mengganggu proses pembelajaran manakala nada yang terlalu rendah menyebabkan murid kurang memberi perhatian terhadap pelajaran yang diajar.
- (2) Guru bahasa Arab lebih dahulu perlu menguasai isi pelajaran atau maksud yang hendak disampaikan dan membuat persiapan yang sewajarnya sebelum masuk ke dalam kelas.
- (3) Interaksi yang baik dalam suasana penuh kasih sayang dan kemesraan antara guru dengan murid menjadi pemangkin serta motivasi yang berkesan dalam memupuk semangat ingin belajar dan membina keyakinan diri pelajar.
- (4) Pemilihan teknik pengajaran yang sesuai. Guru boleh menggabungkan beberapa teknik dalam satu sesi pembelajaran untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan.

TEKNIK KEMAHIRAN BERTUTUR

Antara teknik kemahiran bercakap yang sesuai untuk pengajaran bahasa Arab ialah teknik bercerita, teknik pengajaran 'permainan bahasa', teknik bacaan dan sebutan, teknik perbincangan, dan teknik simulasi.

Teknik Bercerita

Teknik atau kaedah bercerita merupakan pendekatan yang paling sesuai dalam pengajaran bahasa kepada pelajar yang baru mempelajari sesuatu bahasa (Koh Boh Boon, 1989: 137). Guru perlu memilih cerita yang menarik, penggunaan perkataan yang mudah dan isi cerita yang berkisar dalam kehidupan seharian mereka. Antara cerita yang mudah dihayati dan diingati ialah kisah-kisah Anbia', kisah-kisah teladan yang diambil dari para sahabat dan ulama'-ulama' terdahulu dan kisah isteri dan keluarga Rasulullah s.a.w seperti Saidatina Khadijah, Saidatina Aisyah dan Shafiyah binti Abdul Motalib.

Teknik bercerita juga dapat memupuk sifat kreatif pelajar dan sentiasa bersemangat untuk ingin tahu cerita seterusnya. Guru boleh melatih mereka bertanya dengan menggunakan perkataan bahasa Arab yang mudah seperti *man*, *mata* dan *aina*. Melalui teknik penceritaan yang baik, pelajar lebih cepat menguasai perkataan yang mudah difahami, meluaskan pemahaman pembendaharaan kata dan dapat mengenal struktur ayat pendek atau ayat tunggal dengan lebih jelas.

Di samping itu, guru perlu membuat pengulangan beberapa perkataan penting untuk membantu murid menghafal, menguat dan mengembangkan ingatan. Murid diminta menyebut atau mengulang semula perkataan atau ungkapan tertentu supaya murid dapat menguasainya dengan cepat kerana daya ingatan seseorang akan terhadap sesuatu perkara akan bertambah jika dilakukan berulang kali dan berterusan.

Ahmad Mohd. Salleh (2003:196) menukilkan bahawa Aisyah r.a telah meriwayatkan satu hadis yang bermaksud “*Rasulullah SAW suka mengulang-ulang suatu perkara kepada sahabat sehingga mereka semua mendapat fahaman yang sebenar*”.

Banyak lagi kaedah yang boleh digunakan untuk membantu murid bercakap atau menguasai kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab. Tetapi kemahiran guru dan kesungguhan murid untuk belajar penting bagi menolong mereka mengingat apa yang dipelajari.

Walau bagaimanapun, ada beberapa faktor yang perlu diambil perhatian oleh guru semasa bercerita, iaitu:

- (1) Suara guru mestilah jelas dan dapat didengar oleh setiap pelajar. Nada suara yang terlalu tinggi akan mengganggu proses pembelajaran manakala nada yang terlalu rendah menyebabkan murid kurang memberi perhatian terhadap cerita yang disampaikan.
- (2) Penyampaian yang jelas, intonasi suara dan penggunaan alat bantu yang menarik seperti kaset, VCD dan LCD dapat menarik minat pelajar untuk menumpukan perhatian terhadap isi cerita.
- (3) Menurut kajian *Levis dan Massed (1975)*, prestasi pelajar atau kejayaan seseorang pengajaran mempunyai hubungkait dengan kecekapan bahasa dan penyampaian seseorang guru (Kamarul Shukri (1975: 32). Guru bahasa Arab perlu menguasai isi pelajaran yang hendak diajar dan membuat persiapan yang sewajarnya sebelum masuk ke dalam kelas.
- (4) Interaksi yang baik dalam suasana penuh kasih sayang dan kemesraan antara guru dengan murid menjadi pemangkin serta motivasi yang berkesan dalam memupuk semangat ingin belajar dan membina keyakinan diri pelajar.

Teknik Pengajaran ‘Permainan Bahasa’

Dalam permainan bahasa, semua murid diberi peluang untuk menyebut, bercakap dan mempraktikkan beberapa prosedur tertentu yang telah ditetapkan dengan menggunakan bahasa Arab. Suasana pembelajaran yang aktif dan kawalan bilik darjah yang baik memudahkan semua pelajar melibatkan diri dan bekerjasama antara satu sama lain. Tiada seorang pun daripada mereka dibenarkan melakukan aktiviti secara bersendirian atau cuba mengelakkan diri daripada menyertai permainan.

Melalui aktiviti permainan bahasa, kefasihan berbahasa atau berkomunikasi dapat ditingkatkan di samping membantu menambahkan keyakinan diri para pelajar. Tetapi guru perlu merancang permainan-permainan yang menyeronokkan dan mencabar minda mereka, contohnya permainan ‘puzzle’, ‘keretapi’ dan ‘teka silang kata’. Secara tidak langsung mereka akan menyedari kebolehan dan keupayaan mereka dalam menguasai bahasa Arab.

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Nazri b. Samsuddin, bahasa Arab lebih mudah dikuasai dengan teknik pengajaran ‘**permainan bahasa**’ (Nazri Samsudin, 2011). Antara kelebihan yang ada pada kaedah ini ialah:

- (1) Melatih murid menguasai pelbagai kemahiran bahasa Arab seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam pelbagai situasi dan keadaan.
- (2) Mengikis tanggapan sebahagian murid yang menyatakan belajar bahasa Arab adalah susah, bosan dan menjemukan. Di samping itu, teknik bermain dalam belajar membantu menyelesaikan masalah emosi dan perasaan negatif yang dihadapi oleh segelintir murid seperti suka menyendiri, mendiamkan diri dan mengasingkan diri daripada murid-murid yang lain.

- (3) Memberi ruang yang baik kepada guru untuk menegur dan memperbetulkan kesilapan serta kesalahan dari segi sebutan atau percakapan secara spontan dalam suasana yang mengembirakan.
- (4) Menggalakkan murid untuk menggunakan bahasa Arab secara lebih kreatif, inovatif dan semula jadi (fitrah) dalam kehidupan seharian di samping mampu membaca al-Quran dengan baik.

Teknik Bacaan dan Sebutan

Melalui teknik bacaan dan sebutan ini, murid-murid dapat mengetahui dan memahami secara umum bagi sesuatu perkataan dengan cara interaksi lisan dalam keupayaan dan kebolehan bercakap. (Mohammad Marwan Ismail & Wan Maharani bin Mohamad, 2009: 128). Antara cara yang berkesan dalam teknik bacaan dan sebutan ialah:

- (1) Dapat mengetahui sesuatu perkataan yang mempunyai huruf al-mad dan al-'llah.
- (2) Mengetahui pecahan kata kerja dalam *tasrif al-fiil* yang merujuk kepada penggunaan yang tepat bagi kata kerja dalam bahasa Arab kepada tiga jenis iaitu *fi'il al-madhi*, *fi'il al-mudhari'* dan *fi'il al-Amr*.
- (3) Mengenal pasti perincian berkaitan sesuatu perkataan sama ada dari aspek gender atau bilangan (tunggal, dua, jamak dan sebagainya).
- (4) Mengenal pasti jenis perkataan seperti kata nama, sifat (adjektif), kata kerja, kata sendi kata tanya dan lain-lain.
- (5) Mengetahui asal-usul sesuatu perkataan khususnya perkataan pinjaman dari bahasa Arab kuno atau rumpun bahasa al-Samawi.

Teknik Perbincangan

Teknik perbincangan didefinisikan sebagai satu aktiviti mengeluarkan dan mengulas pendapat tentang sesuatu tajuk pembelajaran. Tujuannya untuk melatih murid mengeluarkan fikiran dan pendapat mereka dengan bernas (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1990: 85).

Teknik perbincangan adalah satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran bercakap berbentuk perbualan dan ia dilakukan dikalangan murid di bawah penyeliaan dan kawalan guru. Semua murid boleh berbincang dalam kumpulan yang ramai atau bilangan yang sedikit.

Teknik Simulasi

Simulasi ditakrifkan sebagai satu situasi yang diwujudkan hampir menyerupai keadaan sebenar yang memerlukan murid berinteraksi sesama sendiri berdasarkan peranan masing-masing bagi membuat keputusan menyelesaikan masalah, isu atau tugas semula. Antara cara yang digunakan ialah:

- (1) Murid dapat menggunakan kemahiran belajar seperti mengumpulkan maklumat, menjalankan temuramah dengan individu tertentu dan mencatat isi-isi penting.
- (2) Murid digalakan untuk memberi pendapat, cadangan, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah berdasarkan peranan yang diberikan.
- (3) Murid berpeluang mengalami sendiri situasi dan masalah.
- (4) Murid berkemahiran dalam aktiviti lisan dan membaca yang dapat digabungkan.
- (5) Murid dapat mewujudkan pelbagai aktiviti menarik yang menjadi sumber motivasi kepada pelajar untuk meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran.

PANDUAN MENGAJAR KEMAHIRAN BERTUTUR

Berikut beberapa panduan kepada guru bagi memudahkan pengajaran kemahiran bertutur dapat dilaksanakan:

- (1) Murid itu sendiri memulakan pertuturan dalam bahasa Arab. Ungkapan yang paling mudah dimulakan dengan ucapan salam dan bersuai kenal. Selanjutnya murid perlu mengulangi frasa ini secara individu dan berkumpulan.
- (2) Memberi sepenuhnya peluang kepada murid memperkenalkan diri dan menyampaikan ucapan. Guru tidak perlu tergesa-gesa membetulkan kesilapan pelajar.
- (3) Pembelajaran bercakap perlu diusahakan secara beransur-ansur kerana kemahiran bercakap memerlukan masa yang panjang dan kesabaran.
- (4) Guru memilihkan tajuk pelajaran yang hendak dituturkan oleh murid. Tajuk tersebut mempunyai makna dan nilai dalam kehidupan mereka.
- (5) Murid digalakkan berhubung dengan sebahagian orang yang bercakap bahasa Arab, boleh menonton beberapa cerita pendek dan mendengar stesen radio Arab.
- (6) Guru menyuruh murid menyediakan topik tertentu secara mengejut dalam pelajaran tertentu dan membincangkannya bersama rakan-rakan. Guru berperanan sebagai penganjur perbincangan dan tindakan susulan.

Penggunaan dialog sangat penting dalam latihan kemahiran bercakap. Ungkapan dan berkomunikasi ketika berdialog memberi situasi yang pelbagai. Murid dapat bercakap dengan bermacam-macam ayat, perkataan, ungkapan, bunyi, intonasi dan struktur tatabahasa dalam keadaan yang berlainan. Langkah-langkah yang dijalankan:

- (1) Murid mendengar dialog guru atau dari alat perakam, murid menjelaskan gambar yang dilihat, manakala guru menjelaskan dialog tersebut.
- (2) Guru membaca setiap ungkapan dalam dialog secara perlahan-lahan dan menyuruh pelajar mengulangnya secara beramai-ramai.
- (3) Dialog diulang semula oleh murid secara berkumpulan selepas guru membacanya, kemudian murid-murid mengulang kembali secara individu.
- (4) Murid diminta membaca dialog selepas bacaan guru setelah melihat gambar dan dialog secara bertulis. Dalam kumpulan, setiap murid membacakan dialog tersebut supaya semuanya boleh membaca.
- (5) Murid perlu menjawab soalan yang diberikan oleh guru tanpa melihat nota dan buku. Seterusnya murid mengulang kembali dengan berpandukan tulisan mereka.

KESIMPULAN

Kemahiran bertutur merupakan kemahiran yang paling penting dalam penguasaan sesuatu bahasa yang dipelajari. Guru memainkan peranan yang penting dalam mengarahkan pelajar melakukan proses pertuturan ini terutama dalam kalangan rakan-rakan sekelas. Guru hendaklah mengambil kira aras kemampuan murid dan sentiasa memupuk minat mereka dengan memberi motivasi dan memberi peluang kepada mereka melibatkan diri secara aktif untuk berkomunikasi di dalam kelas dengan menggunakan bahasa Arab. Pembelajaran bahasa Arab melalui kemahiran bertutur dapat membantu murid menanamkan minat yang mendalam dalam bahasa Arab. Menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Arab melalui teknik pelbagai cara dapat membantu pelajar bercakap dengan jelas. Ia juga membina keupayaan dan kebolehan dalam berbahasa Arab melalui pengucapan dan syarahan.

RUJUKAN

- Ibn Tamiyyah. T.t. *Iqtidha' al-Sirah al-Mustaqim*. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Abdul Aziz Talib. 1989. *Pengajaran dan Pengujian Bahasa*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2000. *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2000. *Seni Bercakap dan Berbual-bual*, Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Kilani Mohamed. 2001. *Teori Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai: UTM.
- Ahmad Mohd. Salleh. 2003. *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah Dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ghazali Darusalam. 2000. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarul Shukri Mohd. Teh. 2005. *Tatabahasa Arab & Pertuturan al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohammad Marwan Ismail & Wan Moharani bin Mohamad. 2009. *Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*, Nilai: USIM.
- Nazri Samsudin. 2011. *Permainan Bahasa Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. <http://www.scribd.com/doc/27951472/Permainan-Bahasa-Dalam-Pengajaran-Dan-Pembelajaran-Bahasa-Arab>, [29.9.2011].
- Rosni Samah (2009), *ISU Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*, Nilai: USIM.